

Menteri KPT galak mahasiswa sertai program khidmat masyarakat



Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin menggalakkan golongan mahasiswa menyertai program khidmat masyarakat terutama dalam membantu mereka yang menghadapi musibah.

"Program-program seumpama ini boleh membentuk sahsiah diri pelajar yang menyertainya. Namun demikian, mahasiswa perlu bijak dan matang dalam membuat keputusan berhubung kegiatan luar yang ingin disertai," katanya dalam majlis penyampaian sumbangan bantuan kepada mangsa banjir di Kampung Galing Besar, Kuantan pada 10 Januari 2013 yang lalu.

Dalam program ini, Dato' Seri Mohamed Khaled hadir menyampaikan bantuan wang tunai RM100 dan barangan keperluan dapur sumbangan Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan Badan Kebajikan & Sukan Staf UMP (BKSS) UMP kepada 164 mangsa banjir di Kampung Galing Besar, Kuantan.

Program anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) ini bertujuan membantu meringankan mangsa banjir dan keluarga mereka untuk meneruskan kehidupan seharian selepas ditimpa bencana banjir berkenaan.

Beliau berbangga dengan inisiatif mahasiswa dan warga UMP yang hadir membantu masyarakat setempat yang mengalami musibah.

"Walaupun kini merupakan musim peperiksaan namun tidak menghalang seramai 75 orang pelajar UMP untuk melaksanakan gotong-royong untuk mengecat masjid yang turut ditenggelami banjir," katanya.

Menurut beliau, peranan universiti itu tidak boleh ditinggalkan dengan masyarakat dan masyarakat juga tidak perlu segan dengan universiti.

Katanya lagi, jika dahulu universiti sebagai tempat untuk menara gading tetapi hari ini juga selain berperanan melahirkan tenaga insan terpelajar, mereka juga turut berkongsi ilmu dengan masyarakat setempat.

Selain itu, program sebegini dapat menggalakkan pelajarannya terlibat dalam khidmat masyarakat agar dapat mendekati proses pembelajaran dan pengajaran.

Beliau turut mengumumkan bahawa pihak KPT bersetuju untuk menyumbangkan RM 10,000 kepada tabung surau Kampung Galing Besar bagi membaik pulih dan membeli keperluan surau yang telah rosak.

Beliau juga turut meluangkan masa melawat rumah-rumah mangsa sekitar kampung.

Dalam majlis ini juga, Dato' Seri Mohamed Khaled bersama 75 mahasiswa UMP bergotong-royong membersihkan dan mengecat Surau Haji Jaafar di kampung itu yang terjejas teruk akibat banjir baru-baru ini.

Turut mengiringi beliau Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teruntum, Dato' Chang Hong Seong, Pemangku Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrrie Zainuddin dan Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Abdul Na'em Suhaime.

Menurut salah seorang penduduk kampung Normah Kassim, 52, beliau amat bersyukur dan terharu dengan sumbangan yang diberikan.

Katanya, walaupun kesedihan mengenangkan banyak harta benda yang rosak akibat dari banjir itu namun terubat dengan kehadiran warga UMP yang datang membantu meringankan bebanan di samping membaik pulih keadaan surau kami.

Dalam majlis ini juga, Dato' Seri Mohamed Khaled bersama 75 mahasiswa UMP bergotong-royong membersihkan dan mengecat Surau Haji Jaafar di kampung itu yang terjejas teruk akibat banjir baru-baru ini.

Majlis turut menyaksikan Pengerusi BKSS, Mohd. Raizalhilmy Mohd. Rais menyampaikan sumbangan kelengkapan surau termasuk sejadah, kain telekung dan Surah Yasin untuk kegunaan jemaah surau hasil sumbangan BKSS dan Persatuan Matahari.

Lebih 500 penduduk kampung hadir dalam majlis yang berakhir dengan jamuan makan tengah hari bersama penduduk setempat.